

Mahathir - MEASAT  
MEASAT JADIKAN MALAYSIA PANGKALAN PUSAT KOMUNIKASI SERANTAU

KUALA LUMPUR, 17 Mei (Bernama) -- Pelancaran Satelit Asia Timur Malaysia (MEASAT) menjelang akhir tahun depan akan menjadikan negara ini pangkalan pusat komunikasi serantau, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini.

Sebagai satu sistem satelit serantau, Dr Mahathir berkata, MEASAT bukan sahaja memenuhi sebahagian daripada keperluan telekomunikasi dan penyiaran negara ini tetapi juga akan memainkan peranan utama dalam sumbangan Malaysia kepada pembangunan komunikasi di Asia.

"Ini telah diakui semasa mesyuarat-mesyuarat koordinasi yang diadakan bersama negara-negara berkenaan sepanjang 18 bulan lalu," katanya ketika berucap pada majlis menandatangani kontrak pembinaan dua buah satelit MEASAT antara Binariang Sdn Bhd, sebuah syarikat konsortium Malaysia yang akan mengendalikan satelit itu dan Hughes Communications International Incorporated (Amerika Syarikat), di sini.

Dr Mahathir berkata, hubungan komunikasi di seluruh negara, termasuk dengan kawasan-kawasan pedalaman tidak akan mempunyai batasan lagi dengan adanya MEASAT.

Malah, katanya, hubungan komunikasi itu juga akan menjangkau ke kawasan-kawasan luar dari Malaysia yang dapat diliputi MEASAT. -- Lagi.

▼17/05/15-15MST

U GB 17-05 00119 BH765

AAB

Mahathir - MEASAT 2 Kuala Lumpur

"Ini akan merapatkan lagi hubungan negara kita dengan negara-negara jiran di samping meningkatkan hubungan dengan India dan negara-negara lain di Asia," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan juga akan menggalakkan MEASAT melabur dalam satelit-satelit lain yang dilancarkan negara-negara Asia pada masa depan.

"Kerajaan mahu hubungan komunikasi serantau ini bergantung dan berkait antara satu dengan lain dan berupaya memelihara nilai-nilai tradisi rantau kita," katanya.

Sehubungan itu, katanya, Malaysia menyambut baik penyertaan pihak-pihak serantau yang lain untuk pelancaran satelit kedua dalam sistem satelit MEASAT pada 1996.

Dr Mahathir berkata, pelancaran MEASAT turut akan membawa Malaysia ke dalam era baru perkhidmatan penyiaran secara teratur. -- Lagi.

▼17/05/15-18MST

U GB 17-05 00161 BH766

AAB

Mahathir - MEASAT 3 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, ini kerana MEASAT akan merintis penggunaan transponder Rangkaian-KU (KU-band) yang sebelum ini dianggap tidak sesuai di rantau Asia kerana penerimaan antena kecil di rumah-rumah tidak sempurna akibat hujan lebat.

"Sistem satelit yang lain di rantau ini hanya beroperasi dalam Rangkaian-C bagi telekomunikasi analog dan penggunaan penyiaran, yang memerlukan antena dan sistem kabel berkaitan yang besar," katanya.

Dr Mahathir berkata, MEASAT telah direka dengan teknologi terkini, termasuk penggunaan modulasi digital, teknik tekanan dan penyiaran kandungan rancangan yang boleh dikodkan.

Dengan itu, katanya, penduduk negara ini akan dapat menggunakan perkhidmatan Terus kepada Pengguna (DTU) melalui Rangkaian-KU dengan hanya penerima yang dibenarkan boleh mendapat rancangan-rancangannya.

Katanya, sistem DTU yang digunakan MEASAT bukan sahaja akan memberi mutu siaran dan penerimaan yang tinggi tetapi teknologinya telah membolehkan kerajaan melesenkan MEASAT mengikut Akta Penyiaran tidak seperti siaran Rangkaian-C dari seberang laut yang tidak boleh dikawal. -- Lagi.

U GB 17-05 00127 BH770

AAB

Mahathir - MEASAT 4 Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, satu lagi ciri keselamatan yang ada pada MEASAT ialah sebarang satelit lain yang ingin memasukkan Malaysia dalam liputannya perlu menyelaraskannya dengan Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos.

Oleh itu, katanya, kemasukan sebarang sistem baru yang setaraf dengan Rangkaian-KU ke Malaysia akan tertakluk kepada dasar-dasar negara.

"Sekarang terdapat satu konsep baru yang agak pelik yang cuba diketengahkan iaitu sebarang negara tidak mempunyai hak untuk mengawal siaran satelit kepada rakyatnya. Kononnya adalah tidak demokratik siaran seperti ini tertakluk di bawah undang-undang tempatan," katanya.

Sebenarnya, kata Dr Mahathir, sejak radio dicipta, tidak sekalipun frekuensi siaran pernah dikawal kerajaan.

Lagipun, katanya, kerajaan berhak untuk mengutip hasil daripada siaran-siaran dalam negaranya. -- Lagi.

▼17/05/15-39MST

U GB 17-05 00144 BH771

AAB

Mahathir - MEASAT 5 (Akhir) Kuala Lumpur

Perdana Menteri berkata, perkhidmatan DTU juga boleh digunakan untuk tujuan pendidikan yang sentiasa mendapat perhatian utama kerajaan.

Katanya, siaran program-program pendidikan ke sekolah-sekolah, institusi pendidikan tinggi dan universiti-universiti di seluruh negara dan negara-negara yang diliputi MEASAT boleh mengatasi kekurangan sumber-sumber pengajaran sekarang.

"Selain daripada itu, perkhidmatan-perkhidmatan DTU akan membolehkan kita memaju dan meningkatkan mutu pendidikan di kawasan luar bandar," katanya.

Dalam sektor perniagaan pula, katanya, perkhidmatan-perkhidmatan DTU akan memberi kesan yang besar daripada segi penyediaan berita terkini di rantau ini, persidangan video dan penghantaran data-data kewangan dengan pantas.

Pada majlis itu, Binariang diwakili dua orang pengarah eksekutifnya, Encik Noordin Baharuddin dan Encik Khoo Teng Bin manakala Hughes diwakili Pengerusinya, Encik Ted McFarland dan Naib Presiden Hughes Asia Pacific, Encik Steven Dorfman. -- Bernama.

AH KAM.